



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/1/2011

BH PILIH 2A 15 (emel)

'Ekonomi baik pikat rakyat balik'

Najib mahu sediakan Malaysia persekitaran menarik, berpendapatan tinggi

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak yakin dan percaya ramai rakyat Malaysia yang berada di luar negara akan berminat untuk pulang serta bekerja di tanah air apabila ekonomi negara berkembang dengan lebih rancak lagi.

Sekiranya dilihat dari sudut keseluruhan sebagai satu pakej, Perdana Menteri berkata, beliau yakin bekerja di Malaysia adalah satu pilihan yang sangat baik.

Justeru, beliau berkata, antara fokus Talent Corpo-

ration (Talent Corp) yang mula beroperasi pada 1 Januari lalu ialah untuk berhubung dengan rakyat Malaysia sedang bertugas di luar negara supaya mereka mengetahui peluang menarik yang ada di Malaysia.

"Sebagai contoh, begitu banyak Projek Permulaan (EPP) sudah saya umumkan dan kita umumkan dari semasa ke semasa, ia tentu sekali menunjukkan peluang yang semakin banyak di Malaysia.

"Selain itu, dalam usaha kita untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, bermakna pendapa-

tan rakyat pun akan bertambah pada masa depan.

"Kita juga cuba meyakinkan mereka yang belum lagi membuat keputusan sama ada bekerja di dalam atau luar negara, supaya memilih untuk bekerja di Malaysia," katanya melalui rakaman video yang dimuatkan dalam laman blognya www.lmalaysia.com.my, semalam.

Dalam laman blog berkenaan, beliau memuatkan dua rakaman video berasingan sebagai maklum balas kepada soalan mengenai Talent Corp dan pekerjaan untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dihantar

orang ramai ketika sesi #tanyanajib melalui Facebook dan Twitter, Selasa lalu.

Najib berkata, dalam keseronokan beliau bergurau dengan rakyat secara online, tujuan utama sesi #tanyanajib ialah memberi maklum balas kepada isu utama dan kebimbangan mereka.

"Banyak soalan yang bermutu diajukan dan alangkah bagus jika saya berkesempatan untuk menjawab semuanya," katanya.

Mengenai isu pekerjaan bagi lepasan SPM pula, beliau berkata, rakyat memiliki kelulusan peringkat berkenaan perlu mencari jalan untuk

mengambil kursus tambahan di kolej kemahiran dan vokasional atau bekerja di syarikat yang dapat memberi mereka latihan dalam bidang kemahiran tertentu.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan Najib mengucapkan selamat menyambut Hari Ponggal kepada kaum India di negara ini.

"Dengan semangat Malaysia, saya menjemput rakyat Malaysia bersama-sama saya bagi mengucapkan selamat hari Ponggal kepada kaum India, dan semoga dilimpahi kemakmuran," katanya dalam mesej Ponggal menerusi Facebooknya, semalam.